

Anwar terbuka kerjasama PKR-UMNO

Oleh **ZAREEN HUMAIRAH**

SEJAHAN

zareen.hs@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi bayangan beliau masih terbuka dalam menerima kerjasama parti lain termasuk UMNO.

Menurutnya, kemelut politik yang berlaku disebabkan pimpinan yang salah membuka ruang lebih besar serta wujud kefahaman untuk bekerjasama dengan UMNO.

“Kelengahan ini menyebabkan wacana lebih matang. Saya berpeluang untuk berwacana secara hati ke hati, berterus-terang tentang keyakinan saya tentang reformasi, tentang kedudukan DAP dan pimpinan-pimpinannya serta Amanah.

“Tentang sikap saya dengan UMNO dan keterlanjuran mereka dan kesediaan saya bersama dengan sesiapa sahaja yang patuh dengan prin-

sip kepimpinan yang turut menjadi hasrat UMNO sendiri,” katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri program Sepetang 2021 Bersama Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini semalam.

Dalam reaksi terhadap keputusan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang sepakat menolak sebarang kerjasama UMNO dengan PKR dan DAP, beliau berkata, kepimpinan ketika ini dikatakan tidak kukuh dan terumbang-ambing kerana kurangnya integriti dalam kepemimpinan Perikatan Nasional (PN).

“Saya tengok di dalam Parlimen dan di luar Parlimen, ahli Parlimen menyebut tentang hilangnya keabsahan, keadaan yang rapuh, terumbang-ambing kerajaan ini, cara dia memujuk hanya dengan memberi jawatan dan projek.

“Saya bersama dengan rakan PKR, DAP dan Amanah berpendapat ada baiknya kita rangkul kekuatan tetapi mesti berdasarkan prinsip,” katanya.